



## **JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI PULAU PINANG**

### **DOKUMEN SEBUTHARGA**

**TAJUK : MENAIKTARAF STESEN HIDROLOGI DI KOLAM TAKUNGAN SUNGAI DONDANG DAN KOLAM BERSIH SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN**

**NO. SEBUTHARGA :JPS/N/SH/BSAH/D/07/2018**



**PENGARAH  
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN  
NEGERI PULAU PINANG**



**PENGARAH  
JABATAN PENGAI'RAN DAN SALIRAN  
NEGERI PULAU PINANG**



**Tajuk Kerja : MENAIKTARAF STESEN HIDROLOGI DI KOLAM TAKUNGAN SUNGAI DONDANG  
DAN KOLAM BERSIH SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN**

**No. Sebutharga : JPS/N/SB/BSAH/D/07/2018**

**ISI KANDUNGAN**

<b>Bil</b>	<b>Keterangan</b>	<b>Mukasurat</b>
1.	Muka Depan	1
2.	Isi kandungan	2
3.	Kenyataan Sebutharga	3
4.	Dokumen A – Arahan Kepada Kontraktor	4 - 5
5.	Dokumen B – Syarat-Syarat sebutharga	6 - 8
6.	Dokumen C – Borang Sebutharga	9
7.	Dokumen D – Jadual Kadar Harga ( D1 – D4)	10 – 13
8.	Dokumen E – Kehendak Permulaan Dan Syarat-Syarat Am	14 – 15
9.	Spesifikasi 1/2– 2/2	16 – 18
10	Pembida Berjaya	19 – 20
11	<u>Dokumen Sokongan</u> - Dokumen H1(Rekod Pengalaman) - Dokumen H2(Rekod Kerja Dalam Tangan) - Dokumen I (Rekod Jentera/Mesin)	20 21 22
12	Pelan Lampiran	



KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG  
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN  
NEGERI PULAU PINANG



KENYATAAN SEBUTHARGA

1. Sebutharga adalah dipelawa dari pada kontraktor-kontraktor yang beralamat di Daerah Barat Daya dan memenuhi syarat dan telah mendaftar dengan e-perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

NO. SEBUTHARGA	TAJUK KERJA
JPS/N/SH/BSAH/D/07/2018	MENAIKTARAF STESEN HIDROLOGI DI KOLAM TAKUNGAN SUNGAI DONDANG DAN KOLAM BERSIH SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN

1. Pembekal-pembekal yang ingin menyertai Sebutharga ini hendaklah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah salah satu bidang berikut:-

2. Kod Bidang CIDB.

Kod	Keterangan	Syarat
GI – CE –CE21(Bumiputera)	Keupayaan tidak melebihi RM 200,000.00 <b>Pembinaan Kejuruteraan Awam</b> (Kerja-kerja am kejuteraanawam )	DAN
GI – ME –ME15(Bumiputera)	Keupayaan tidak melebihi RM 200,000.00 <b>Mekanikal dan Elektrikal</b> (Kelengkapanmekanikalpelbagai)	DAN

3. Lawatan tapak adalah **WAJIB**. Kontraktor rhendaklah membawa sijil – sijil **ASAL** seperti di atas (para semasa pendaftaran dan lawatan tapak dan kontraktor hendaklah melaporkan dir ipada:

- \* **Tarikh :** *19 April 2018 ( Khamis)*  
\* **Masa :** *10.30 Pagi*  
\* **Tempat :** *Tapak Cadangan Stesen Hidrologi Sungai Dua, belakang Tapak Pesta Sungai Nibong( Cabang Sungai Dua belakang Flat Hamna )*

4. Semua butir-butir sebutharga boleh diperolehi melalui e-perolehan Negeri Pulau Pinang (<http://ep.penang.gov.my>) mulai tarikh **19 April 2018 ( Khamis)**. Setiap Dokumen/ Borang Sebutharga akan dikenakan bayaran RM 10.00 (Ringgit Malaysia : Sepuluh Sahaja) sebagai bayaran dokumen SETIAP SATU sebutharga.

5. Sebutharga ini akan ditutup pada **26 April 2018 ( Khamis)**. Dokumen sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Pejabat Jabatan Pengairan Dan Saliran, Tingkat 55, KOMTAR, Pulau Pinang tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada hari tersebut.

.....  
**( MOHD NAZARUDDIN BIN GHAZALI )**

Ketua Penolong Pengarah (Operasi)

b.p. Pengarah

Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri

Pulau Pinang

✉ : [nazaruddin@penang.gov.my](mailto:nazaruddin@penang.gov.my)

☎ : 04-2631761

**ARAHAN KEPADA KONTRAKTOR**

**1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUTHARGA**

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebutharga yang terendah atau mana-mana Sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.

**2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUTHARGA**

**2.1 Penyediaan Sebutharga**

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi segala maklumat berikut dengan sepenuhnya.

- (a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebutharga,
- (b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam borang Sebutharga,
- (c) Senarai Kerja Dalam Tangan,
- (d) Butir-butir Spesifikasi (jika ada)

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

**2.2 Penyerahan Dokumen Sebutharga**

- (a) Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri yang dicatatkan dengan bilangan Sebutharga No. JPS/N/SN/BSAH/D/07/2018 serta tajuk Sebutharga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebutharga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Kenyataan Sebutharga.
- (b) Jika Dokumen Sebutharga tidak diserahkan dengan tangan, Kontraktor hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- (c) Sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.
- (d) Kegagalan Kontraktor mengembalikan Dokumen Sebutharga pada tarikh tutup Sebutharga akan membolehkan Kerajaan mengambil tindakan tatatertib.

### **2.3 Penjelasan Lanjut**

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebutharga yang tidak jelas atau bercanggah, kontraktor boleh menghubungi Pejabat ini untuk penjelasan lanjut.

### **3. PERBELANJAAN PENYEDIAAN DOKUMEN SEBUTHARGA**

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebutharga yang terendah atau mana-mana Sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.

### **4. TEMPOH SAH SEBUTHARGA**

Sebutharga ini sah selama 90 hari dari tarikh tutup Sebutharga. Kontraktor tidak boleh menarik balik Sebutharga sebelum tamat tempoh sah Sebutharga. Pengesyoran tindakan tatatertib akan diambil sekiranya Kontraktor menarik balik Sebutharga sebelum tamat tempoh sah Sebutharga.

### **5. TEMPOH BANTAHAN**

Tempoh bantahan adalah ditetapkan selama 7 hari.

**SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA UNTUK PERKHIDMATAN**

**1. PEMERIKSAAN TAPAKBINA**

Kontraktor adalah dinasihatkan untuk memeriksa dan meneliti Tapakbina dan sekitarnya, bentuk dan jenis Tapakbina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke Tapakbina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjelas Sebutarganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

**2. BON PERLAKSANAAN/INSURANS**

- (a) Kontraktor hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada harga Sebutharga dalam bentuk Jaminan Bank, Jaminan Syarikat Kewangan, Jaminan Bank Islam, Jaminan Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Bank Berhad, Jaminan Insurans atau Jaminan Takaful atau memilih Wang Jaminan Pelaksanaan yang dikenakan potongan sebanyak 10% daripada setiap bayaran interim sehingga mencapai jumlah 5% harga sebutharga. (bagi nilai sebutharga melebihi RM 50,000.00)
- (b) Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam \* dan Insurans Kerja (sekiranya dinyatakan di dalam butir-butir Ringkasan Sebutharga) bagi tempoh perlaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.

Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan kerja. Bagaimanapun untuk tujuan memulakan kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pengawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah pasal 9(d).

**3. PERATURAN PELAKSANAAN KERJA**

- 3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebutharga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebutharga ini dan arahan Pegawai Inden atau wakilnya.

**4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA**

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas 7 hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden Kerja tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden Kerja akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tidakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

\*Potong jika tidak diperlukan

**5. SUB-SEWA DAN MENYERAHKAN KERJA**

Kontraktor tidak dibenarkan mengasub-sewakan kerja kepada kontraktor-kontraktor lain,

kontraktor tidak boleh menyerahkan apa-apa faedah dibawah Inden Kerja tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

## 6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN KERJA OLEH PEGAWAI INDEN

Pegawai Inden atau wakilnya berhak menolak bahan, barang dan kerja-kerja yang tidak menepati spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh kontraktor sendiri.

## 7. RINGKASAN SEBUTHARGA

- (i) Ringkasan Sebutharga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebutharga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebutharga.
- (ii) Harga-harga dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi menyiapkan kerja dengan sempurnanya.
- (iii) Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harta akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan semua duti dan cukai kerajaan, sama ada dalam tempoh sah Sebutharga atau dalam tempoh kerja.
- (iv) Harga-harga dalam ringkasan sebutharga yang dikemukakan oleh kontraktor hendaklah tetakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam ringkasan sebutharga hendaklah dibuat sebelum Inden kerja dikeluarkan.
- (v) Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebutharga menurut perenggan (iv) tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebutharga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebutharga hendaklah tetap tidak berubah.

## 8. PERCANGGAHAN DALAM DOKUMEN SEBUTHARGA

Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebutharga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

## 9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

Pegawai Inden berhak membatalkan Inden Kerja sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden.

- (a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- (b) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;

- (c) Penggantungan perlaksanaan seluruh atau sebahagian kerja, tanpa apa-apa sebab munasabah;
- (d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
- (e) Apabila Kontraktor diisyiharkan bankrap atau muflis.

10. **KERJA PERUBAHAN**

- (a) Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan Pegawai Inden atau disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebutharga ini.
- (b) Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/ringkasan sebutharga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.

11. **TEMPOH LIABILITI KECACATAN**

Kontraktor hendaklah membaiki apa-apa kecacatan, ketidak sempurnaan, kekecutan atau apa-apa kerosakan lain dalam tempoh Liabiliti Kecacatan, iaitu 6 bulan dari penyiapan kerja bagi nilai kerja kurang daripada RM50,000.00 dan 12 bulan bagi nilai kerja melebihi RM50,000.00.

12. **PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR**

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak undang-undang kecil dan undang berkanun dalam Malaysia semasa perlaksanaan kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

13. **PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP**

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah Kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurnanya dan mengembalikan Inden Kerja Asal.

## KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM

1	Skop Kerja	1.1 Kerja yang diliputi dalam Sebutharga ini adalah kerja-kerja membina serta menaiktaraf struktur hidrologi dan lain-lain kerja berkaitan, mengikut kelulusan sepenuhnya oleh Pegawai Penguasa dan pihak yang kemudian ini disebut sebagai P.P.
2.	Tempat Letak Tapakbina	2.1 Tapakbina ini terletak di <b>Stesen Hidrologi di kawasan Daerah Timur Laut</b>
3.	Harta Benda Yang Bersebelahan	3.1 Dimana harta benda yang bersebelahan dengan tapak kerja sentiasa digunakan oleh Majikan/tuanpunya-tuanpunya dan penghuni-penghuni yang bersebelahan. Kontraktor hendaklah mengatur dan menjalankan kerja itu dengan gangguan atau halangan yang minimum kepada penggunaan harta benda yang bersebelahan itu termasuk jalan-jalan, lorong-lorong jalan kaki, lain-lain laluan dan sebarang, perkhidmatan di situ. Dia hendaklah menurut segala arahan atau petunjuk yang diberikan oleh P.P. di dalam hal-hal ini.
4.	Laluan Dan Jalan Sementara	4.1 Kontraktor hendaklah mengada dan menyenggarakan semua jalan masuk sementara ke tapak kerja, pembentong, lorong, jambatan sementara dan lain-lain yang perlu untuk laluan ke kawasan dan di dalam kawasan tapak kerja sepanjang mana yang diperlukan mengikut yang diluluskan oleh P.P. Lokasi laluan ke tapak kerja yang akan dibuat hendaklah seperti yang ditandakan di atas pelan tapak kerja atau sepetimana yang diluluskan oleh P.P. dan Kontraktor hendaklah membuat segala urusan dan mendapatkan semua kelulusan dan keizinan yang dikehendaki atas perbelanjaannya sendiri.
5.	Saliran Tapakbina	5.1 Kontraktor hendaklah mengadakan saliran yang sepatutnya untuk air permukaan dari tapakbina termasuk air hujan dari kawasan sekeliling yang mengalir ke tapak bina.  5.2 Kontraktor hendaklah dengan perbelanjaannya sendiri, memperuntukkan, membentuk, memasang dan menyenggarakan apa-apa pam, pelongsor, dinding, longkang, batas-batas, perangkap-perangkap lumpur dan lain-lain kerja sementara yang perlu untuk saliran tapakbina yang sepatutnya supaya tidak berlaku banjir atau lain-lain kerosakan atau gangguan kepada kawasan-kawasan disekeliling kerja atau kepada kerja di sepanjang tempoh sebutharga ini.
6.	Pengambilan Kerja Buruh Tempatan Sub-Kontraktor	6.1 Semua buruh dan Sub-Kontraktor yang digunakan untuk kerja ini hendaklah diambil dari daerah atau negeri di mana kerja itu terletak. Kontraktor hendaklah sebaik sahaja selepas mengambil pemilikan tapakbina, berurus dengan Pejabat Buruh Tempatan, Pegawai Daerah atau Penghulu untuk pengambilan mereka bekerja. Dalam mana-mana keadaan sekalipun Kontrak tidak dibenarkan menggunakan buruh-buruh dan Sub-Kontraktor yang diimport melainkan P.P berpuashati bahawa mereka tidak boleh diperolehi didalam daerah atau negeri yang berkenaan.

7.	Butir-Butir Pekerja	7.1 Kontraktor hendaklah memberi kepada P.P. menyenggara dan mengemaskinikan satu senarai mengandungi semua pekerja-pekerjanya termasuk kesemua pekerja yang diambil bekerja oleh Sub-Kontraktor atau kesemua butiran di dalam borang yang dinyatakan di dalam Lampiran yang berkenaan pada Spesifikasi ini.
8.	Gambar Foto Kemajuan Kerja	8.1 Kontraktor hendaklah mengambil gambar-gambar <b><i>digital bersaiz 4R</i></b> kemajuan kerja pada setiap peringkat- sebelum, semasa dan selepas siap projek sepertimana yang diarahkan oleh P.P. Kontraktor juga hendaklah membekal satu salinan projek dalam bentuk buku laporan dan <b><i>USB/Pendrive 8G</i></b> . Kesemua gambar foto digital tersebut hendaklah dicatitkan dengan tajuk dan tarikh ianya diambil. Kontraktor hendaklah juga membekalkan album yang sesuai untuk simpanan gambar tersebut dengan selamat.